

02/12/2003

Pas tentang PM tidak amal Islam tulen

KUALA TERENGGANU: Menteri Besar Terengganu, Datuk Seri Abdul Hadi Awang berkata, Pas akan menentang sesiapa saja yang menjadi Perdana Menteri jika tidak menegakkan dan mengamalkan ajaran Islam tulen di negara ini.

Beliau berkata Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi tidak terkecuali jika mewarisi corak pentadbiran negara sekular atau Islam saduran yang diamalkan selama ini.

"Kita semua diwarwarkan oleh media massa yang dikongkong Barisan Nasional (BN) bahawa Perdana Menteri sekarang adalah seorang yang mempunyai asas pendidikan agama.

"Kita akan pastikan supaya beliau tidak tergelincir daripada konteks Islam sebenar dalam mentadbir negara. Kalau beliau tidak memahami konsep Negara Islam, maka kita sedia bermuzakarah bersama dengan sekutu-sekutunya," katanya ketika membentangkan Bajet 2004 pada persidangan Dewan Undangan Negeri (DUN), di sini semalam.

Sehubungan itu, beliau berkata, Pas akan terus memerhati dan mengikuti jejak langkah serta hala tuju Abdullah sama ada negara Islam `klon' yang diisytiharkan sebelum ini akan direalisasikan atau terus menebalkan negara Islam saduran,"

Abdul Hadi yang juga Presiden Pas, berkata parti itu dan akan menghormati serta bersama dengan Perdana Menteri jika mempunyai cita-cita menegakkan syariah Islam.

Sebelum berucap membentangkan Bajet 2004, Abdul Hadi yang mewakili semua ahli dewan mengucapkan selamat bersara kepada bekas Perdana Menteri Tun Dr Mahathir Mohamad dan tahniah serta terima kasih kerana jasa serta baktinya kepada negara sehingga ke peringkat mengisytiharkan Malaysia sebagai negara Islam.

"Bagi kita, negara Islam yang diisytiharkan itu sama seperti anak-anak yang bermain pondok-pondok...pasir yang dimasak dikatakan nasi...daun yang direbus dikatakan ikan.

"Kita sudah lama dewasa dan meninggalkan jauh alam kepondokan. Kepada Perdana Menteri yang baru kita mengucapkan tahniah atas pelantikannya," katanya.

Ketika ditemui, selepas itu Abdul Hadi mendakwa Kerajaan Pusat merendahkan martabat undang-undang Islam dan meletakkannya di bawah undang-undang ciptaan manusia.

"Negara Islam yang diisytiharkan di negara ini ialah fahaman politik semata-mata. Di sini, Islam tidak memerintah tetapi diperintah. Kita mesti menjadikan Islam sebagai agama pemerintah.

"Apa yang jadi sekarang ialah Islam itu direndahkan...lebih rendah daripada undang-undang manusia. Itu bukan pendapat saya...itu amalan kerajaan hari ini," katanya.

Sehubungan itu, beliau menyarankan satu muzakarah antara Kerajaan Pusat dengan Pas diadakan bagi membincangkan perkara itu.

Mengenai dakwaan Kerajaan Pusat sudah melaksanakan Islam sebelum Dokumen Negara Islam dikeluarkan Pas, beliau berkata, Islam yang dilaksanakan itu tidak betul kerana tidak berlandaskan Islam sebenar.

"Contohnya judi dan arak...kalau ada lesen, halal...kalau tak, haram. Itu jelas bertentangan hukum Islam," katanya.